

KARYA-KARYA HADITH DALAM TULISAN JAWI

Oleh
Fauzi bin Deraman.*

Abstract

The article attempts to evaluate the status and use of Hadith in Kitab Jawi (Malay classical works written in Arabic transcripts). In the region of South East Asia, the coming of Islam has transformed the whole structure of the society and developed the knowledge culture of the people. Many ulama's have produced valuable works in various Islamic disciplines written in Arabic transcript which came to be known as kitab jawi

PENDAHULUAN

Kedatangan Islam ke Alam Melayu telah membawa sama tulisan dalam bentuk yang menyeluruh. Sebelumnya bahasa Melayu belum mempunyai sistem tulisan yang praktis. Tulisan Sanskrit dan Jawa Kuno hanya difahami oleh segelintir masyarakat karaton dan sami-sami Hindu sahaja. Dengan menerima pakai kesemua abjad Arab atau tulisan al-Qur'an dan diperkenalkan beberapa huruf baharu sebagai tambahan telah melahirkan skrip Jawi atau huruf Jawi, yang di Indonesia disebut sebagai Huruf Melayu.¹ Tulisan ini sebagai ganti kepada huruf yang bersumberkan daripada tamaddun Hindu-Budha yang memakai huruf Kawi dan Nagri.

KEDUDUKAN TULISAN JAWI

Sejak itu, bahasa Melayu dengan skrip Jawi telah digunakan sebagai bahasa Islam di kepulauan Melayu dan telah menjadi bahasa ilmu dan alat pengucapan

*Pensyarah di Jabatan Al-Qur'an & Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya merangkap Ketua Jabatan

¹Haji Abdul Malik Karim Amrullah (Hamka), "Pengaruh Islam Dalam Sastera Melayu" dalam *Islam dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 1977, hal. 163.

intelektual yang unggul, tidak lagi sebagai bahasa pasaran yang terbatas pemakaiannya seperti sebelumnya.²

Tulisan Jawi telah memainkan peranan besar dan digunakan secara meluas di rantau ini. Karya-karya Islam dalam berbagai-bagai ilmu ditulis dalam tulisan jawi, yang kemudiannya karya-karya tersebut di kenali sebagai "Kitab Jawi". Ini belum termasuk lagi karya-karya sastera dengan jenis-jenisnya malah ia merangkumi pelbagai genre dan bidang termasuk undang-undang dan tata negara, sejarah, risalah, khutbah dan sebagainya. Malah dalam surat menyurat dimana raja-raja di rantau ini apabila mengutus surat kepada rakan sejawatnya di Eropah di tulis dalam tulisan jawi, begitu juga penulisan dokumen-dokumen seperti surat izin berdagang, perjanjian dan seumpamanya juga ditulis dalam tulisan tersebut.³

Para ulama sezaman telah meninggalkan karya-karya mereka dalam berbagai bidang, selain karya-karya yang berbentuk terjemahan saduran dari karya-karya asing terutama berbahasa Arab ke dalam bahasa Melayu.⁴

Karya-karya Islam dalam tulisan Jawi ini sudah dikesan kewujudannya sejak kurun ke-12 lagi, walaupun dalam jumlah yang kecil dan ringkas bagi menerangkan persoalan agama.⁵

AKTIVITI PENULISAN

Kegiatan keilmuan ini mendapat dokongan penuh dari pihak pemerintah samada di Perlak, Pasai di peringkat awal. Begitu juga di zaman Kesultanan Melaka (1400-1511M) yang kemudian disambung pula oleh Kesultanan Aceh (1511-1650M), Riau dan lain-lain negeri di Nusantara. Di mana lahir tokoh-tokoh ulama yang banyak menghasilkan karya seperti Syam al-Din al-Sumaterani (m. 1630M), Abd al-Rauf Fansuri (m. 1693M), Nur al-Din al-Raniri (m.1658M) dan lain-lain.

Kegemilangan penghasilan karya di Nusantara ini berulang pada abad ke-17, di mana kalangan ulama sezaman begitu giat menghasilkan karya dalam berbagai bidang ilmu Islam terutama dalam bidang tasawwuf, perundangan Is-

²Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, P.Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), 1990, hal. 23.

³Siddiq Haji Fadhil, "Tulisan Jawi: Plestarian Dan Pendaulatannya di Alam Melayu", k.kerja *Seminar Tulisan Jawi* 1995, Kuala Lumpur, Sept. 1995, hal.1.

⁴Haji Abdullah Ishak, *Islam di Nusantara Khusus Tanah Melayu*, P.Jaya, Al-Rahmaniah, 1990, hal. 139.

⁵Zuber Usman, *Kesusasteraan Lama Indonesia*, Jakarta: Gunung Agung, 1963, hal. 17.

lam (fiqh) dan tawhid atau usul al-Din. Malah abad ini dikira kemuncak penghasilan ilmu tasawwuf di rantau ini.⁶ Sedang penulisan fiqh dan usuluddin pula berada di kemuncaknya pada abad ke-19 dengan tampilnya ulama-ulama besar dari Pattani, antaranya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani (m.1847M), Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani (m.1908M), Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani (Syeikh Nik Mat Kekik) (m.19114H) dan lain-lain.⁷

Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, sebagai contoh, merupakan tokoh ulama yang membuka tirai kelahiran ulama dan pengarang Pattani - Kelantan. Beliau banyak menghasilkan karya dalam berbagai bidang. Malah menurut Voorhoeve, beliau merupakan ulama Pattani yang masyhur dan produktif sekali di rantau ini kerana banyaknya karya-karya yang dihasilkan. Malah Matheson dan Hooker telah mensifatkan beliau sebagai "*the most producti e author of Kitab Jawi in nineteenth century*".

Muncul juga ulama seangkatan dengan beliau seperti Syeikh Abdul Samad al-Falembani, Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari dan lain-lain. Setelah itu muncullah pengarang-pengarang lain yang menyambung usaha menyebarkan ilmu Islam di rantau ini, ditemui Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani (m.1908), Syeikh Zayn al-'Abidin bin Muhammad al-Fatani, Syeikh Muhammad Nor bin Muhammad Ismail al-Fatani, Syeikh Wan Ali bin Wan Abd al-Rahman al-Kalantani (m.1913), Syaikh Abd al-Samad bin Muhammad Salleh Kelantan (m.1894) yang dikenali sebagai Tuan Tabal, Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari, Syed Muhammad bin Zainal Abidin al-'Idrus (m.1878) atau lebih dikenali sebagai Tok Ku Tuan Besar, Syaikh Ahmad Khatib al-Sambasi (m.1863), Syeikh Uthman al-Funtiyani (m.1920), Syeikh Muhammad Tayyib bin Syeikh Mas'ud al-Banjari, Syeikh Ahmad bin Mohd Yunus Lingga, Syeikh Abd al-Rahman Siddiq (m.1939M) dan lain-lain.

Penulisan kitab Jawi khususnya di Semenanjung Tanah Melayu semakin pesat di permulaan abad ke-20, apa yang disebut di sini hanya sebagai perkembangan awalan sahaja.

Di sini kita dapati Asia Tenggara telah berjaya melahirkan begitu ramai ulama yang produktif, yang telah meninggalkan khazanah ilmu Islam dalam berbagai bidang, yang mana karya-karya ini menjadi rujukan dan pegangan umat Islam serantau. Karya-karya ini terus dikaji dan di analisis oleh para sarjana dan ilmuan Islam dari masa ke semasa.

⁶Yusuf Zaki Yaakob, "Masalah Pengasingan Sasterawan Melayu Dari Intelektualisme Islam" dalam Ismail Hussein, *Sastera dan Agama*, K.Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984, hal.3.

⁷*Ibid.*

KARYA-KARYA DALAM BIDANG HADITH

Pengajian hadith adalah satu bidang pengajian yang sangat penting dalam Islam, sesuai dengan kedudukannya sebagai sumber yang terutama dalam Islam bersama al-Qur'an. Artikel ini cuba melihat sejauhmana penglibatan ulama serantau terutamanya di Semenanjung dalam kajian hadith dan penghasilan karyanya.

Dari kajian yang dibuat, didapati perhatian ulama rantau ini terhadap bidang hadith dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya tidak sehebat perhatian mereka kepada bidang-bidang lain. Tumpuan ulama lebih kepada bidang aqidah atau usuluddin, perundangan atau fiqh dan tasawwuf atau akhlak. Ini terbukti dengan ditemui sejumlah besar karya-karya dalam ketiga-tiga bidang tersebut yang telah dihasilkan oleh ulama serantau.

Karya-karya dalam bidang hadith ternyata jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan karya-karya dalam bidang-bidang yang lain. Ini membuktikan yang pengajian dan kajian terhadap bidang hadith ini agak terkebelakang di rantau ini.

Karya awalan yang ditemui dalam bidang ini ialah *Al-Fawa'id al-Bahtyyah fi Ahadith al-Nabawiyah* karangan Syeikh Nur al-Din al-Raniri. Karya ini dikenali juga dengan *Hidayah al-Habib fi al-Tarhib wa al-Tarhib*. Karya ini dihasilkan pada 1045H/1635M. Menurut Mohd.Shaghir, kitab ini merupakan kitab hadith yang pertama yang ditulis dalam bahasa Melayu.*

Karya ini diterbitkan beberapa kali, antaranya oleh Mustafa al-Baby al-Halaby di Mesir. Ia juga diterbitkan di Mekah dan di Asia Tenggara termasuk edisi terbitan Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nahdi.

Karya ini memuatkan sebanyak 831 hadith. Syeikh al-Raniri menggunakan rumuz bagi merujuk kepada tokoh muhadithin yang meriwayatkan hadith-hadith yang disebut oleh beliau dalam karya ini. Rumuz tersebut adalah seperti berikut:

- (ع) untuk Bukhari.
- (م) untuk Muslim.
- (ت) untuk Tirmidhi.
- (ا) untuk Ahmad ibn Hanbal.
- (د) untuk Abu Dawud.

*Hj.W. Mohd.Shaghir Abdullah, *Khazanah Karya Pustaka Asia Tenggara* Jilid 2. Kuala Lumpur, Khazanah Fathaniyah, 1991, hal.60.

- (حسب) untuk Ibn Hibban,
- (قط) untuk Darqutni,
- (جه) untuk Ibn Majah,
- (عى) untuk al-Qudha'i,
- (كم) untuk al-Hakim,
- (ط) untuk Tabrani,
- (لى) untuk Daylami,
- (عيم) untuk Abu Nu`aim,
- (قى) untuk al-Bayhaqi,
- (رى) untuk al-`Askari,
- (يع) untuk Abu Ya`la,
- (نس) untuk Nasa'i,
- (عد) untuk Ibn `Adi,
- (خط) untuk al-Khatib,
- (مه) untuk Ibn Huzaymah,
- (با) untuk Ibn Abi Dunya dan
- (ب) untuk Abu Zar.⁹

Syeikh Abd al-Rauf al-Fansuri pula menghasilkan karya beliau Syarh al-*Lata'if 'Ala Arba'in Hadithan li al-Imam al-Nawawi*. Karya yang masih dalam bentuk manuskrip ini merupakan terjemahan dan huraian kepada *Arba'in* susunan al-Imam al-Nawawi. Karya ini merupakan terjemahan pertama dalam bahasa Melayu.¹⁰

Huraian beliau menggunakan pendekatan sufi bukannya pendekatan fiqh seperti kebanyakan ulasan dan huraian kepada karya tersebut.¹¹

⁹Lihat: *Al-Fawa'id al-Bahtyyah* dicetak bersama *Jam al-Fawa'id*, Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nahdi wa Awladuh, t.t. hal. 4-5.

¹⁰Mohd Shaghir. "Perkembangan Penulisan hadith Ulama Asia Tenggara", kertas kerja *Seminar Antarabangsa Pengajian Islam di Asia Tenggara*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Brunei Darussalam, 1995. hal. 4.

¹¹*Ibid.* hal.5.

Malah langkah beliau melahirkan *Arba'in* sebagai meneruskan usaha ulama sebelumnya itu telah mendorong ramai ulama lain memanjangkan lagi usaha itu dengan menghasilkan *Arba'in* mereka pula selepas beliau.¹²

Kitab *Arba'in* karya Imam al-Nawawi telah diulas oleh begitu ramai para ulama baik di Asia Barat¹³ maupun di tempat-tempat lain termasuk ulama rantau ini. Di antara ulasan yang diterbitkan dalam bahasa Melayu versi Jawi¹⁴ adalah seperti berikut:

1. *Fath al-Mubin* oleh Syeikh Muhammad Salih bin Muhammad Murid Rawa. Dihasilkan pada 1855M. Ulasan yang berdasarkan fiqh tidak seperti pendekatan yang digunakan oleh Syeikh Abd al-Rauf Fansuri, seperti yang disebutkan di atas.¹⁵
2. *Hadith 40* oleh 'Asbiran Yaakob diterbitkan pada 1958 oleh Persama Press, P.Pinang.

¹²Di tanahair kita juga ada penulis-penulis yang memilih 40 hadith untuk diulas. Antara mereka adalah Abdullah Hj Ab.Wahab yang menghasilkan *Empat Puluh Hadith Pilihan*, diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980; Muhammad Yusuff Abas, *40 Hadith Pilihan* diterbitkan oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1978; Abu Ali al-Banjari *Empat Puluh Hadith Tentang Peristiwa Akhir Zaman*, Pokok Sena, Pustaka al-Wasit, 1991.

¹³Ada pendapat yang mengatakan terdapat 50 buah karya yang ditulis sebagai ulasan kepada karya al-Nawawi tersebut Lihat: *Muqaddimah al-Wafi fi Syarh al-Arba'in al-Nawawiyah*, hal. 3-4. Antaranya adalah ulasan yang dibuat oleh Ibn Daqiq al-'Id "*Syarh al-Arba'in Hadithan al-Nawawiyah*", Ibn Rejab al-Hanbali "*Jami' al-Ulum wa Hukm ..*" dengan tambahan sepuluh hadith lagi; Ibn Hajar al-Haythami "*Al-Fath al-Mubin fi Syarh al-Arba'in*", Syeikh Ahmad Hijazi, "*Majalis al-Sunnayah*"; Dr. Mustafa al-Bagha dan Muhy al-Din Mistu "*Al-Wafi fi Syarh al-Arba'in al-Nawawiyah*"; Khalid Baytar "*Al-Bayan fi Syarh al-Arba'in al-Nawawiyah*", Nadhim Muhammad Sultan "*Qawa'id wa Fawa'id min al-Arba'in al-Nawawiyah*", Abd al-Khaliq Hasan Abd al-Wahhab al-Syariff, "*Al-Hidayah al-Rabbaniyyah Syarh al-Arba'in al-Nawawiyah*". Karya ini menghurai secara terperinci dengan satu buku diterbitkan untuk mengulas satu hadith, sehingga ini penulis baru mendapati ulasan bagi hadith pertama dan kedua sahaja, Abdul Wahhab Rasyid Salih Abu Safiyah, "*Syarh Al-Arba'in al-Nawawiyah fi Thawb Jadid*".

¹⁴Ada juga ulasan hadith empat puluh ini diterbitkan dengan menggunakan tulisan rumi. Antaranya: *Kulliah Subuh* oleh Syed Ahmad Semait, Singapura: Pustaka Nasional, 1977; *Ulasan Dan Terjemahan Hadith 40* oleh Prof.Madya Dr Abul Hayei Abdul Sukor, diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.

¹⁵Mohd Shaghir Abdullah, "*Syeikh Muhammad Salih Ar-Rawa Pengarang Kitab Fathul Mubin*", Dakwah, Mac 1993, hal. 54.

3. *Kanz al-Amin fi Syarh al-'Arba'in* oleh Tuan Guru Haji Mukhtar bin Ahmad bin Mohd. Zain, Kelantan diterbitkan oleh Al-Maarif, Kota Bharu pada 1938.¹⁶

4. Satu lagi karya ialah *Risalah Kecil Mengenai Mustalah Hadith*, susunan Haji Yaakub bin Haji Ahmad.

Karya ini dikatakan telah diterbitkan tetapi gagal ditemui.¹⁷

5. *Hadith Empat Puluh* oleh Mustafa Abd al-Rahman, diterbitkan oleh Maktabah Al-Haj Abdullah bin Muhammad al-Rawa, Pulau Pinang, pada 1966 dengan didahulukan oleh satu pengantar ringkas mengenai ilmu Mustalah al-Hadith.

6. *Hadith Empat Puluh* (Dua Jilid) dengan terjemahan dan ulasan ringkas oleh Ustaz Pauzi bin Haji Awang, diterbitkan oleh Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1976.

Hidayat al-Mukhtar adalah satu lagi koleksi *Arba'in* terjemahan dalam bahasa Melayu. Karya asalnya adalah susunan Syeikh Khatib al-Mundhiri dan telah diterjemahkan oleh Wan Hasan bin Wan Ishaq al-Fatani.

Syeikh Daud al-Fatani, ulama dan pujangga Nusantara yang terkenal itu juga telah menghasilkan beberapa karya yang dikategorikan sebagai karya hadith. Antaranya: *Kasf al-Ghummah fi Ahwal al-Mawta fi al-Barzakh wa al-Qiyamah*. Karya ini adalah terjemahan dari kitab *Syarh al-Sudur bi Syarh Hal al-Mawta wa al-Qubur* karangan al-Allamah Jalal al-Din al-Suyuti (m.911H) dan *Mukhtasar Tadhkirah al-Qurtubi* oleh Syeikh Abd al-Wahhab al-Sya'rani. Karya ini dihasilkan pada 1236H/1822M. Oleh kerana banyak hadith-hadith dimuatkan didalam karya ini ia telah dikategorikan sebagai sebuah karya hadith. Persoalan utama yang dibicarakan dalam karya ini adalah mengenai keadaan manusia selepas mati.

Karya ini ada yang dicetak berasingan dan ada yang dicetak di bahagian tepi sebuah karya Syeikh Daud al-Fatani yang lain iaitu *Furu' al-Masa'il*. Menurut beliau, *Kasf al-Ghummah* adalah terjemahan hadith-hadith, athar dan pendapat para ulama terutama pendapat para ulama terutama yang disebut oleh kedua-dua tokoh yang disebut di atas dalam dua karya tersebut.¹⁸

¹⁶Lihat: Abdul Hayei Abdul Sukor, "Sumbangan Syeikh Walillah al-Dahlawi Kepada Ilmu Hadith Dan Pengaruhnya di Kelantan" (Disertasi), Universiti Malaya, 1990, hal. 306.

¹⁷*Ibid.*

¹⁸Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, *Kasf al-Ghummah*, Dar al-Fikr, 4 -5.

Sebuah lagi karya hadith Syeikh Daud al-Fatani adalah *Arba'in* yang merupakan koleksi 40 hadith yang dikumpulkan oleh beliau. Menurut beliau, hadith tersebut adalah dipetik dari *Kasf al-Ummah 'An Jami' al-Ummah* karangan Syeikh Abd al-Wahhab al-Sya'rani.

Hadith-hadith tersebut dimuatkan dalam karya beliau *Hidayat al-Muta'allim*. Ia pernah disalin secara berasingan oleh murid beliau Muhammad Nuruddin bin Haji Abdul Ghafur al-Fatani pada 1266H¹⁹

Karya hadith Syeikh Daud al-Fatani yang kedua adalah *Fara'id al-Fawa'id al-Fikr fi al-Imam al-Mahdi*. Karya ini masih dalam bentuk manuskrip adalah terjaman beliau dari karya guru beliau Syeikh Mar'i bin Yusuf yang membicarakan mengenai Imam al-Mahdi. Karya ini merupakan karya pertama yang membincangkan topik tersebut yang ditulis dalam bahasa Melayu.²⁰

Satu lagi karya yang dikatakan karangan beliau adalah *Hikayat Iman*, karya ini masih belum ditemui, dikatakan ia membicarakan mengenai ilmu *rijal al-Hadith*.²¹

Syeikh Ahmad al-Fatani, seorang lagi ulama Nusantara yang terkenal yang banyak menghasilkan karya, telah menghasilkan beberapa karya dalam bidang hadith. Antaranya ialah *Bisyrat al-'Amilin wa Nazarat al-Ghafilin* diterbitkan pada 1304H/1887M di Mekah oleh Matba'ah al-Miriyyah dan pernah diterbitkan juga oleh Persama Press, Pulau Pinang. Karya hadith beliau yang lain adalah Hadith memulakan Makan Dengan Garam Dan Disudahi Dengannya, Hadith-hadith Pilihan, Daftar Rijal al-Hadith dan lain-lain.

Syeikh Muhammad bin Tahir al-Fatani menghasilkan *Tazkirah al-Mawdhu'at*, Syeikh Abd al-Samad bin Muhammad Salih yang terkenal dengan Tuan Tabal pula menghasilkan *Minhat al-Qarib* pada 1882 dimana kandungannya menyentuh mengenai fadha'il al-A'mal, Syeikh Abdullah bin Abd al-Mubin al-Fatani telah menghasilkan *Tanbih al-Ghafilin* pada 1184H. Karya ini merupakan terjemahan kepada karya Abu al-Layth al-Samarkandi.

Syeikh Wan Ali bin Abd al-Rahman Kutan al-Kalantani (m. 1913) telah menghasilkan *Al-Jawhar al-Mawhub wa Munabbihat al-Qulub* pada 1888, dimana karya ini merupakan terjemahan dan ulasan kepada *Lubab al-Hadith* karya al-'Allamah Jalal al-Din al-Suyuti. Edisi pertama yang diterbitkan telah

¹⁹H.W.M.Shaghir Abdullah, *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani Ulama' Dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*, Shah Alam, Penerbitan Hizbi, 1990, hal.133.

²⁰Mohd. Saghir, *op.cit.* hal. 6.

²¹*Ibid.* hal.5.

diedit oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani. Selain dari naskah yang diterbitkan secara tersendiri, karya ini juga diterbit dengan dicetak di bahagian tepi kitab *Siyar al-Salikin* karangan Syeikh Abd al-Samad al-Falimbani.

Syeikh Muhammad Ali bin Abdul Rasyid bin Abdullah al-Qadhi al-Jawi al-Sumbawi pula telah menghasilkan *al-Yawaqit wa al-Jawahir* pada tahun 1827M. Ia juga merupakan sebuah karya terjemahan dari karya Syeikh Abd al-Wahhab al-Sya'rani. Ia menyebut mengenai siksaan orang yang berdosa besar, juga mengenai syurga dan neraka.

Satu lagi karya hadith adalah *Nasihah Ahl al-Wafa' 'Ala Wasiyyat al-Mustafa* karangan Syeikh Ahmad Lingga. Karya ini adalah terjemahan wasiat Rasulullah (s.a.w.) kepada Saidina 'Ali. Menurut Mohd. Shaghir, merupakan terjemahan pertama dalam bahasa Melayu.²²

Selepas 1900M, ditemui lebih banyak karya-karya dalam bidang hadith ini, antaranya *Irsyad al-'Ibad Penjaga Dan Bekal Hari Akhirat* karangan Syeikh Uthman bin Syihab al-Din al-Funtiani. Ia merupakan terjemahan kepada karya Ibn Hajar al-'Asqalani iaitu *Munabbihat 'ala al-Isti'dad li Yaum al-Ma'ad*.

Syeikh Husein Nasir bin Muhammad Tayyib al-Banjari yang dikenali dengan Tuan Husein Kedah telah menghasilkan terjemahan kepada *Jawahir al-Bukhari* karangan Ibn Hajar al-Qastalani dengan diberi nama *Tadhkir Qaba'il al-Qadhi fi Tarjamat al-Bukhari* dan pernah diterbitkan oleh Al-Maktabah Al-Zainiyyah, Taiping pada 1350H.

Manakala Syeikh Abd Allah bin Abd al-Rahim al-Fatani telah menghasilkan *Muhimmah fi Ilm al-Hadith* pada 1384H dan diterbitkan oleh Persama Press, Pulau Pinang dengan memuatkan perbicaraan mengenai wanita menurut hadith.

Ibn Al-Rawa bersama Ustaz Mustafa Abd al-Rahman telah menyiapkan *Terjemahan Mukhtasar Ibn Abi Jamrah*. Karya ini telah diterbitkan pada 1968 oleh Maktabah Abdullah bin Nuruddin al-Rawi, Pulau Pinang dengan diberi pengantar oleh Ustaz Abdullah Fahim. Ia memuatkan sebanyak 294 hadith pilihan dari Kitab Sahih Imam Bukhari.

Ustaz Mustafa Abdul Rahman Mahmud juga telah menghasilkan *Pedoman Hadith Junjungan Rasulullah (s.a.w.)*. Karya ini telah diterbitkan oleh Al-Zainiyyah pada tahun 1953. Sebuah lagi karya beliau iaitu *Sabda Utusan Ilahi* telah diterbitkan oleh H.M.Shah, Penang pada 1951.

²²Hj.Wan Mohd.Shaghir Abdullah. Syekh Ahmad Lingga "Qus Bahasa Melayu". Dewan Budaya, Oktober, 1993. hal. 47.

Dua orang pengarang yang dikenali sebagai Ismail dan Sulaiman sahaja telah menghasilkan *Bulugh al-Maram* Bahasa Melayu. Naskhah yang penulis dapati adalah naskhah yang diterbitkan oleh Percetakan al-Maarif, Pulau Pinang. Setelah diamati didapati naskhah ini diterbitkan berdasarkan kepada naskhah cetakan ketiga yang telah diterbitkan oleh Persama Press pada tahun 1962. Ada juga naskhah yang diterbitkan dengan menggunakan nama *Uswat Hasanah*. Naskhah ini diterbitkan oleh Persama Press, Pulau Pinang tanpa disebut tahun ia diterbitkan.

Satu lagi karya yang juga diterbitkan oleh Matba'ah Persama adalah *Sarir al-Bab* karangan Muhammad Zain Haji Ibrahim. Karya ini merupakan ulasan kepada hadith-hadith Sahih dan Hasan yang dikutip dari beberapa kitab hadith yang sahih. Karya 49 halaman ini tidak disebut tarikh ia diterbitkan.

Syeikh Muhammad Idris al-Mawbawi (m.1394H) yang terkenal dengan *Qamus al-Marbawi* turut sama berada dalam barisan ulama yang menghasilkan karya dalam bidang hadith ini. Karya beliau yang terbesar adalah *Bahr al-Mazi li Syarh Mukhtasar Sahih al-Tirmidhi* yang mula diterbitkan oleh Maktabah Mustafa al-Baby al-Halaby. Kahirah semenjak dari 1352H/1933.²³ Karya 22 jilid ini adalah karya hadith yang terbesar yang pernah dihasilkan oleh ulama' Nusantara. Ia merupakan terjemahan dan ulasan kepada Mukhtasar Sahih al-Tirmidhi. Ianya disiapkan secara berperingkat-peringkat diselesaikan pada 1957. Terjemahan pertama yang dihasilkan dalam Bahasa Melayu.

Syeikh al-Marbawi juga telah menterjemahkan kitab *Bulugh al-Maram* karangan Ibn Hajar al-'Asqalani. Karya ini telah diterbitkan oleh Syarikat Muhammad al-Nahdi, Bangkok tanpa disebut tarikh ianya diterbitkan dikatakan ia merupakan terjemahan pertama karya tersebut dalam bahasa Melayu.

Riyadh al-Salihin adalah diantara karya Imam al-Nawawi yang banyak dipelajari oleh umat Islam. Koleksi hadith tersebut telah banyak diulas oleh ulama-ulama sesudahnya, baik di Asia Barat,²⁴ benua kecil India dan tidak ketinggalan ulama rantau ini. Karya ini telah diterjemahkan ke dalam berbagai bahasa termasuk bahasa Melayu. Terjemahan awal dalam bahasa Melayu telah dihasilkan oleh Syariff bin Daud Bangkalis.

Ustaz Abdul Hadi al-Hadi telah menghasil beberapa karya mengenai hadith

²³Abdullah al-Qari Haji Salleh, *Kelantan Serambi Mekah di Zaman Tok Kenali*, Kubang Kerian: Penerbitan ASA, 1989, hal. 20.

²⁴Di antara karya yang dihasilkan sebagai ulasan kepada karya ini ialah *Dalil al-Falihin fi Turuq Riyad al-Salihin* oleh Muhammad 'Allan al-Siddiqi, *Nuzhat al-Muttaqin* oleh Mustafa Sa'id al-Khin.

iaitu *Tajzib Atraf al-Hadith bi Syarh ma fi Kitab Mukhtar al-Hadith* diterbitkan oleh Persama Press pada 1949. *Syarh Sahih Muslim*, (1949), *Ilham al-Bari Syarh Sahih Bukhari* yang diterbitkan oleh Persama Press, Pulau Pinang juga pada 1949.

Ahmad Ali Abu Bakr telah menghasilkan *Kepalsuan Yang Masyhur* dan diterbitkan oleh Al-Hajj Muhammad Ali al-Rawa di Persama Press, P.Pinang pada 1953. Karya ini menjelaskan mengenai nilai sebenar hadith-hadith dan khabar yang masyhur dan tersebar luas di kalangan masyarakat.

Syeikh Uthman Jalal al-Din al-Kalantani telah menghasilkan *Matali' al-Anwar wa Majma' al-Azhar*. Karya mengenai Ulum al-Hadith dengan kandungannya membincangkan sejarah penulisan dan penyusunan hadith dan mengemukakan tokoh-tokoh yang terlibat dengannya. Karya ini telah diterbitkan oleh Persama Press, Pulau Pinang.

Sesudah itu di temui karya *Sinaran Hadith* susunan Ibrahim Azmi Hasan, karya ini telah ditashihkan oleh Sayyid Edrus bin Abdullah al-Habsyi dan diterbitkan oleh Mahmudiyah Press, Muar, pada 1965.

Bahagian Hal Ehwal Islam, (sekarang Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), Jabatan Perdana Menteri juga mengambil inisiatif menerbitkan karya-karya hadith. Karya-karya tersebut termasuk juga karya-karya terkenal yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Usaha ini dimulakan dengan terbitnya *Muqaddimah Mustika Hadith* karya ini pernah diterbitkan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, pada 1973 dan oleh BAHEIS pada 1989. Kemudian diterbitkan pula *Mustika Hadith*. Ia mula diterbitkan pada tahun 1984. Karya-karya ini telah dihasilkan oleh Datuk Haji Muhammad Nor bin Ibrahim, Datuk Haji Ismail Yusoff dan Syeikh Abdullah bin muhammad Basmeh.

Bahagian ini juga menerbitkan *Terjemahan Sahih Bukhari* dan *Riyadh al-Salihin*. Kedua-dua karya ini telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh beberapa orang ilmunan dari institusi pendidikan tinggi tanah air.

Dewan bahasa dan Pustaka pula telah menerbitkan *Pengenalan Kitab-kitab al-Sunan al-Sittah* karangan Dr. Budah @ Uдах Muhsin pada 1985 dan *Ulum al-Hadith* pada 1995.

Al-Haj Zakariyya al-Haj Ahmad Wan Besar telah menghasilkan Terjemahan *Tanbih al-Ghafilin bi Ahadith Sayyid al-Anbiya' wa al-Mursalin* karangan Syeikh Nasr bin Muhammad bin Ibrahim al-Samarqandi dan *Mutiara Hadith-hadith Pilihan Dari Jami' al-Saghir* karangan al-Suyuti. Kedua-dua karya ini telah diterbitkan oleh Penerbitan Dar al-Salam, Alor Setar, Kedah.

Abu Ali Al-Banjari al-Nadwi telah menghasilkan *Empat Puluh Hadith Penawar Hati* dan telah diterbitkan oleh Khazanah al-Banjariyyah, Pokok Sena pada 1992.

Karya-karya hadith yang disebutkan di sini tidak termasuk karya-karya yang berupa buku-buku teks yang dihasilkan bagi tujuan pengajaran pelajaran hadith di sekolah-sekolah, baik di peringkat rendah maupun menengah. Juga tidak mengambil kira karya-karya dalam bidang ini yang diterbitkan dalam tulisan rumi dan yang dihasilkan dalam bahasa Arab.²⁵

Inilah diantara karya-karya yang dihasilkan dalam bidang hadith yang ditulis dalam tulisan Jawi.

KESIMPULAN

Dari kajian yang dibuat, didapati karya-karya dalam bidang hadith ini masih kurang, kalau dicampur karya-karya yang dihasilkan dalam tulisan Jawi dengan karya-karya yang diterbitkan dalam tulisan Rumi sekalipun, didapati karya yang telah dihasilkan dalam bidang ini masih ketinggalan jika dibandingkan dengan bidang-bidang lain. Justeru itu, pihak berwajib dan para ilmuan Islam perlu mengambil inisiatif kearah menambahkan lagi penerbitan dalam bidang ini bagi memenuhi keperluan umat Islam setempat khususnya dan di rantau ini umumnya. Ini termasuklah dengan meningkatkan lagi usaha-usaha menterjemahkan karya-karya warisan dalam bidang ini. Karya-karya tersebut yang merupakan pusaka peninggalan ulama silam dalam khazanah ilmu umat Islam.

²⁵Terdapat ulama Nusantara yang telah menghasilkan karya-karya terkenal dalam bidang hadith ini, di mana karya-karya mereka ditulis dalam bahasa Arab, seperti Syeikh Muhammad Nawawi al-Bantani, Syeikh Muhammad Mahfuz bin Abdullah al-Tarmasi dan lain-lain.